

TEKS UCAPAN
Y.BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PROGRAM MAJLIS PENUTUPAN NATIONAL TRAINING WEEK
PERINGKAT NEGERI MELAKA 2023**

**30 Mei 2023 bersamaan 10 Zulkaedah 1444H, 10.00 pagi
Dewan Canselor UTeM**

SALUTASI

-seperti di lampiran

PEMBUKA KATA

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita diberi peluang untuk bersama-sama berkumpul di Majlis Perasmian Penutupan National Training Week Peringkat Negeri Melaka 2023.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Abdullah** mewakili **YAB Datuk Seri Ab Rauf Yusoh Ketua Menteri Melaka** ke Majlis Perasmian

Penutupan National Training Week Peringkat Negeri Melaka 2023.
Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sudi meluangkan masa serta merasmikan program ini.

Manis rasanya si buah ceri,
Merah warnanya berseri-seri,
Terima kasih ucapan diberi,
Kerana sudi bertandang ke mari.

اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli serta hadirin sekalian,

4. Untuk makluman, Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UTeM telah diberikan kepercayaan untuk menjadi urusetia dalam menjayakan semua program di UTeM bersempena minggu National Training Week Peringkat Negeri Melaka 2023 ini.
5. Pada hari ini sahaja, seramai 40 majikan telah turut serta dalam karnival ini, menawarkan lebih daripada 2500 peluang pekerjaan dan latihan industri bukan sahaja kepada anak-anak Melaka malah juga kepada seluruh masyarakat Malaysia di peringkat nasional.

6. Seiring dengan perubahan keperluan tenaga buruh negara, UTeM sangat menggalakkan kerjasama strategik bersama pemegang-pemegang taruh yang lain. Saya menyambut baik kerjasama yang dilaksanakan dengan pihak PERKESO sebagai penyedia perkhidmatan pekerjaan negara.
7. Kerjasama ini diperkuatkan lagi dengan penubuhan Pusat Satelit Myfuturejobs @ UTeM di Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM Kampus Induk. Dengan penubuhan pusat satelit ini, para pelajar dapat mengenal dengan lebih dekat portal pekerjaan negara iaitu Myfuturejobs yang saya difahamkan portal ini menyediakan perkhidmatan pekerjaan secara percuma dan termasuklah pengiklanan jawatan kosong oleh majikan serta pencarian pekerjaan kepada pencari kerja. Pusat satelit

Myfuturejobs@UTeM pada tahun lalu telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk karnival kerjaya, sesi temuduga terbuka dan bengkel kebolehpasaran graduan.

8. Pada tahun ini, inisiatif ini terus diperkaskan dengan pengajuran National Aspire Career Fair dengan lebih 40 syarikat yang terlibat. Diharapkan peluang seumpama ini diambil oleh pelajar, graduan UTeM dan pencari kerja untuk mengisi kekosongan jawatan yang disediakan di karnival ini. Diharapkan agensi kerajaan mahupun swasta dapat bekerjasama menjalankan jalinan industri bersama UTeM untuk membantu dan membuka peluang pekerjaan kepada pelajar, graduan dan juga pencari kerja di Melaka.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli serta hadirin sekalian,

9. UTeM juga turut memainkan peranan penting dalam menyediakan pelbagai program lain sempena National Training Week 2023 peringkat negeri Melaka ini. Antaranya adalah **Majlis Perasmian NTW Peringkat Negeri Melaka** yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Ngwe Hee Sem, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Melaka, **Training for Small and medium-sized enterprises (SME)** yang telah berlangsung selama 7 hari di UTeM, dan **Woman Technicpreneurship Forum** yang telah berlangsung di Dewan Kampus Teknologi UTeM pada 24 Mei untuk mengiktiraf dan mempromosikan pemimpin wanita dalam bidang teknologi kepada

mahasiswa UTeM melalui usahawan wanita yang berjaya dalam bidang Technicpreneurship ini.

10. Selain itu, UTeM juga bertindak dengan mengadakan Bengkel Kebolehpasaran Graduan: “Young Minds Career Exploration” yang turut dijalankan pada 24 Mei yang lepas di Dewan Canselor. Bengkel ini telah diadakan dengan tujuan meningkatkan lagi skop pemandangan mahasiswa serta mahasiswa dalam bidang pekerjaan. Seterusnya, UTeM juga menganjurkan National Aspire Career Fair UTeM x MYFuture Jobs 2023 yang akan berlangsung selama 2 hari iaitu pada hari ini dan esok dengan kerjasama Perkeso serta 40 syarikat , dan akhir sekali, Majlis Penutup NTW Peringkat Negeri Melaka yang berlangsung hari ini yang akan

dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Abdullah mewakili Ketua Menteri Melaka.

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli serta hadirin sekalian,

11. Di kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Abdullah mewakili Ketua Menteri Melaka ke Majlis Perasmian Penutup National Training Week Peringkat Negeri Melaka 2023 dan agensi-agensi di atas sokongan pada hari ini dan semua pihak yang berganding bahu bersama-sama dengan UTeM dalam merealisasikan Majlis Perasmian Penutupan National Training Week Peringkat Negeri Melaka 2023 pada hari ini.

12. Sebelum saya mengundur diri , terima kasih juga saya ucapkan kepada para majikan dan pencari kerja yang menyertai Aspire'23 ini. Penyertaan tuan puan amat bermakna sebagai tanda sokongan terhadap usaha membantu mengurangkan kadar pengangguran sekaligus meningkatkan prestasi pasaran buruh negara.

Sekian, Terima kasih.

جامعة ملaka
جامعة تكنولوجيا ملaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA